



---

## MAKLUMAN BERKENAAN PENUTUPAN PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (PPTG WPKL) PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 (LOCK-DOWN FASA 2) 15 JUN 2021 HINGGA 28 JUN 2021

---

Mohd Firdaus Bin Ibaruslan <mohdfirdaus@ptgwp.gov.my>

Mon, Jun 14, 2021 at 11:47 AM

Reply-To: Mohd Firdaus Bin Ibaruslan <mohdfirdaus@ptgwp.gov.my>

To: scott@malaysianbar.org.my, Secretariat Selangor Bar <secretariat@sgorbar.org>, KL Bar <klbc@klbar.org.my>

Cc: Muhammad Yasir Bin Yahya <yasir@ptgwp.gov.my>, Ahmad Fairuz Bin Mohd Yusof <ahmadfairuz@ptgwp.gov.my>, Nor Laili Binti Safiin <laili@ptgwp.gov.my>, "Ahmad Nazri Bin Md. Nasir" <ahmadnazri@ptgwp.gov.my>, Hafez Bin Abdul Aziz <hafez@ptgwp.gov.my>, Nor Hanisha Binti Abu Bakar <nisha@ptgwp.gov.my>

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan kenyataan media Menteri Kanan Pertahanan Malaysia pada 11 Jun 2021 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa selaras dengan arahan Kerajaan berkaitan pelanjutan tempoh PKP 3.0 (lock-down Fasa 2) yang akan bermula pada 15 Jun 2021 hingga 28 Jun 2021, PPTG WPKL akan ditutup sepanjang tempoh tersebut sehingga arahan Kerajaan untuk dibenarkan beroperasi semula.

3. Sehubungan itu, perkara-perkara berikut akan dikuatkuasa bagi urusan-urusan yang berkaitan sepanjang tempoh tersebut:

i) **Pengecualian denda lewat bagi perserahan urusan niaga** yang tamat semasa tempoh PKP 3.0 *lockdown*. Kelonggaran untuk mengemukakan perserahan urusan niaga ialah dalam tempoh **Dua (2) bulan dari tarikh akhir perserahan**.

ii) **Pengecualian denda lewat bagi kutipan hakmilik** yang tamat semasa tempoh PKP 3.0 *lockdown*. Kelonggaran untuk membuat kutipan hakmilik ialah dalam tempoh **Dua (2) bulan dari tarikh akhir yang ditetapkan**.

iii) **Surat Kebenaran Pindahmilik/Gadaian/Pajakan** yang tamat tempoh semasa tempoh PKP 3.0 *lockdown* diberi lanjutan masa selama **Dua (2) bulan dari tarikh tamat tempoh surat tersebut**.

iv) Semua **siyasatan lelongan awam dan hakmilik hilang** yang telah ditetapkan semasa tempoh PKP 3.0 *lockdown* adalah **ditangguhkan**. Pentadbiran ini akan mengeluarkan surat baharu apabila dibenarkan beroperasi semula.

v) Semua slot janjitemu perserahan (*e-Janjitemu*) melalui sistem e-Tanah hanya akan dibuka semula untuk tempahan apabila dibenarkan beroperasi semula.

4. Pentadbiran ini turut ingin memaklumkan bahawa semua operasi perkhidmatan secara online yang melibatkan Carian Persendirian, Permohonan Carian Rasmi, Permohonan Kebenaran Pindahmilik, Bayaran-Bayaran Cukai Tanah dan Cukai Petak, Permohonan Pembangunan dan Pelupusan Tanah boleh dilaksanakan melalui gerbang Portal Rasmi PPTG WPKL serta gerbang Single Window Search (SWS), dan para pelanggan adalah digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan tersebut.

5. Pentadbiran ini memohon maaf di atas segala kesulitan yang timbul dipihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

-

*Firdaus*

**(MOHD FIRDAUS BIN IBARUSLAN)**

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian

*(Deputy Director of Land and Mines)*

Sektor Pendaftaran Tanah

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan

Aras G-6, Rumah Persekutuan

Jalan Sultan Hishamuddin

**50678 KUALA LUMPUR**

Tel: 03-2610 3401 | Fax: 03-2610 3490

✉: [mohdfirdaus@ptgwp.gov.my](mailto:mohdfirdaus@ptgwp.gov.my) 🌐: [www.ptgwp.gov.my](http://www.ptgwp.gov.my)

Amalan **Go Green-Paperless**.

Sila pertimbangkan keperluan dan alam sekitar sebelum mencetak e-mel ini.

*Please consider the needs and environment before printing this email.*